

ANALISIS DATA DALAM PENYELIDIKAN KUALITATIF

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2012). Analisis data dalam penyelidikan kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 3 2012 at Felda Residence Tg. Leman, Mersing*, on 23-22 May 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim, pp 1-11.

PENGENALAN

Artikel ini cuba membincangkan tentang analisis data dan penyediaan jadual matriks di NVivo sebagai persediaan untuk pelaporan dalam dapatan kajian. Fokus perbincangan kepada lima bahagian utama, iaitu bagaimana membina tema daripada data kualitatif, pemilihan kaedah analisis, ketepuan data, pemilihan pola tema, dan persediaan model sebagai rumusan dalam setiap bahagian yang setara dengan objektif kajian.

ANALISIS DATA DALAM PENYELIDIKAN KUALITATIF*

Kamarul Azmi Jasmi
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

Pengenalan

Artikel ini cuba membincangkan tentang analisis data dan penyediaan jadual matriks di NVivo sebagai persediaan untuk pelaporan dalam dapatan kajian. Fokus perbincangan kepada lima bahagian utama, iaitu bagaimana membina tema daripada data kualitatif, pemilihan kaedah analisis, ketepuan data, pemilihan pola tema, dan persediaan model sebagai rumusan dalam setiap bahagian yang setara dengan objektif kajian.

MEMBINA TEMA

Ketika pembinaan tema di NVivo perkara berikut perlu diperhatikan agar tema yang dibina mampu menjawab persoalan kajian dengan baik, iaitu kejujuran dalam penganalisan data, mengeluarkan tema melalui kata kunci yang terhasil daripada data, mengeluarkan tema melalui keterangan ayat terhadap kata kunci tertentu, membina pelbagai tema daripada data yang boleh dimengertikan kepada pelbagai maksud dan aspek, membuat hubungan antara tema yang dibina dengan sesuatu tema yang lain, tahap berakhir pencabahan tema yang dibina, dan larangan semasa membuat tema.

Kejujuran dalam Penganalisan Data

Kajian kualitatif amat berbeza dengan kajian kuantitatif dari segi kekuatan pengkaji. Pengkaji kualitatif amat dekat dengan data yang dikaji sehingga boleh menceritakan situasi sebenar dengan dengan panjang lebar. Kebenaran terhadap sesuatu situasi mudah disedari hasil daripada sumber penyilangan antara data dan dicatatkan pula dalam bentuk nota lapangan. Oleh itu, kejujuran amat penting untuk menghasilkan dapatan yang cantik dan boleh dipercayai (Gray D.E. 2004: 345).

Pengalaman penulis tentang hal kejujuran ini terbukti amat penting apabila pengkaji mendapati kebanyakan data temubual tentang GCPI bersama dengan guru dan rakan guru ada menunjukkan penggunaan ICT ada dalam kalangan GCPI. Namun, dalam kalangan pelajar dan dokumen menunjukkan sebaliknya. Pengkaji memahami situasi sebenar keadaan di sekolah bahawa guru sememangnya tidak menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran mereka tetapi hanya menggunakannya ketika di rumah dalam bentuk penyediaan BBM dan ketika program sekolah dalam bentuk ceramah dan taklimat dan sebagainya. Pengkaji boleh sahaja untuk meletakkan bahawa ICT memang ada digunakan dalam P&P berdasarkan data temubual, namun pengkaji mengeneipkan data ini disebabkan terdapat bukti yang menunjukkan sebaliknya. Terbukti kejujuran pengkaji menghasilkan data penting tentang GCPI ICT memang tidak diperlukan dalam P&P tetapi amat perlu dalam kemahiran mereka untuk menjadi guru cemerlang sehingga memuaskan penilai luar terhadap dapatan ini.

* Kertas kerja Pertama ini dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 3 2012 pada 22-23 Mei 2012 di Felda Residence Tg. Leman, Mersing anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

Prinsip Kata Kunci

Salah satu cara untuk membina tema bagi sesuatu data ialah dengan melihat kepada kata kunci daripada data tersebut (Blaxter L. *et. al.*, 2006: 210). Sebagai contoh apabila objektif yang ingin dicapai adalah untuk *melihat penggunaan ICT dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI)* dalam temubual ada dijelaskan seperti berikut:

Dengan menggunakan LCD dan komputer, GCPI2 menunjukkan gambar sebuah keluarga yang sedang bergambar dengan dua orang pengantin. Beliau juga menunjukkan gambar masjid al-Haram Mekah dengan keadaan gambar boleh dikawal kecil dan ditunjukkan secara dekat dan jauh tempat-tempat penting di Masjid al-Haram.

Contoh petikan ayat ini seperti yang dihitamkan merupakan dua kalimah yang menjadi kata kunci bahawa ICT yang ada dalam kalangan GCPI ialah pandai menggunakan "LCD" dan "komputer". Sedangkan ayat daripada "GCPI2 menunjukkan... di Masjid al-Haram" merupakan keterangan kepada kecekapan GCPI dalam menggunakan LCD dan Komputer.

Prinsip Keterangan Kata Kunci

Terdapat juga bentuk data yang menerangkan tentang sesuatu tema, namun tema ini perlu difikirkan oleh pengkaji untuk dipilih paling sesuai dalam kotak pemikiran pengkaji tersebut (Blaxter L. *et. al.*, 2006: 210). Sebagai contoh petikan ini:

Ketika menyebut wanita biasa beliau bertanya adakah wanita luar biasa seperti makhluk asing (pertanyaan beliau menyebabkan pelajar ketawa). Beliau juga bercerita berlaku kes seorang suami yang sengaja menunggu sehingga isteri sudah hampir nak bersalin barulah nak rujuk semula isterinya (untuk mendera isteri). Namun, rupanya isterinya bersalin awal. Ini menyebabkan dia tak boleh rujuk. "Padan muka dia" kata GCPII yang menyebabkan pelajar ketawa.

Petikan ini menggambarkan bagaimana cekapnya seorang GCPI membuat penghuraian dalam dalam masa yang sama membuat unsur lawak yang spontan sehingga berjaya menghidupkan kelas. Dalam ayat ini tidak terdapat kata kunci "jenaka", "lawak", dan "sence of humor" namun keterangan ayat membawa maksud bahawa GCPI pandai buat kelakar.

Pelbagai Tema untuk Satu Data

Salah satu kelebihan data kualitatif ialah boleh mempelbagaikan tema daripada sesuatu data yang diperoleh oleh pengkaji. Sebagai contoh petikan temubual ini menggambarkan pelbagai tema yang boleh diterima walaupun banyak:

"Saya sangat takut kalau terlewat masuk kelas, macam mana nak jawab depan Allah S.W.T. tentang gaji saya yang saya masuk kelas dalam keadaan terlewat."

Petikan ini boleh membina pelbagai tema, iaitu sifat amanah, sifat takwa, sifat disiplin, sifat motivasi interinsik diri. Manakalah kategori amanah boleh dibahagikan pula kepada tiga, iaitu amanah kepada Allah, amanah kepada para pelajar, amanah kepada pihak atasan yang akhirnya boleh dilihat kategorinya seperti Jadual 9.1.


Jadual 9.1 Pembinaan pelbagai tema dari satu data

Bapa	Anak
Akhlak kepada Allah	Amanah
	Takwa
Akhlak kepada Rakan Staf dan pihak atasan	Amanah
	Disiplin
Akhlak kepada Pelajar	Amanah
	Disiplin
Motivasi Interinsik	Rasa Amanah

Berdasarkan Jadual 9.1 jelas petikan "*Saya sangat takut... (hingga ayat) keadaan terlewat.*" boleh dikategorikan kepada tiga kategori akhlak dan satu kategori motivasi interinsik. Kategori akhlak yang tiga, iaitu akhlak kepada Allah, rakan staf dan pihak atasan, dan akhlak kepada para pelajar. Akhlak kepada Allah tergolong kepada rasa amanah kepada-Nya bersama dengan rasa takwa di mahkamah-Nya di akhirat nanti. Manakala akhlak kepada rakan staf dan pihak atasan iaitu dia menjalankan kewajipan pengajaran dengan rasa amanah dan sangat berdisiplin kepada waktu. Akhir sekali dia menunjukkan akhlak kepada para pelajar dengan penuh amanah dan disiplin.

Membuat Hubungan antara Data

Selain membuat analisis pembinaan tema, dalam NVivo, pengkaji juga amat digalakkan untuk membuat hubungan antara tema sebagai contoh hubungan antara amanah dan akhlak boleh ditunjukkan seperti Rajah 9.1 berikut:




Rajah 9.1 Hubungan antara GCPI dengan sifat takwa, amanah, dan disiplin terhadap Allah, rakan staf dan pihak atasan, dan pelajar.

Sebagai contoh Rajah 9.1 hubungan digambarkan seperti berikut, iaitu sifat amanah dan takwa kepada Allah kerana tanggungjawab yang diturunkan Allah kepada ketuanya terhadap dirinya yang menyerlahkan amanah dan disiplinnya kepada para pelajar dan rakan staf.

Tahap berakhir Percambahan Tema

Penganalisan tema perlu dibina sehingga sekecil-kecilnya yang boleh dibina. Namun, pengakhiran daripada percambahan tema apabila sudah tidak ada lagi pola yang ditunjukkan dalam tahap generasi yang dibina. Contoh pengakhiran tema daripada data boleh ditunjukkan dalam Rajah 9.2

Berdasarkan Rajah 9.2, generasi pertama terdiri bapa kepada empat kumpulan, iaitu usaha menimba dan memantapkan ilmu, usaha mengamalkan ilmu, amanah ilmu, dan usaha menyebarkan ilmu. Dalam generasi ini amanah ilmu terhenti setakat di sini sahaja kerana pola terhadap tema ini terhenti setakat di situ. Generasi kedua pula dipanggil anak. Pada tahap ini terdapat tiga yang terhenti menunjukkan pola, iaitu ilmu yang tinggi, menimba dan membudayakan ilmu, aplikasi ilmu & jauhi Haram/makruh, amalan wajib, amalan sunat, sedekah, hadiah, & wakaf, solat sunat, baca al-Quran & al-Ma'surat, doa & istighfar, zikir, puasa, JAPIM, KPM & Kebangsaan, JPN, dalam sekolah, antara sekolah, masyarakat tempat tinggal.



Rajah 9.2 Contoh percambahan tema dan pengakhirannya dalam satu kajian tahap Ilmu dan pengamalannya.

Seorang pengkaji yang bijak akan mencari sekecil-kecil tema sehingga mendapat maklumat yang paling mendalam sama ada mempunyai pola atau tidak. Sebagai contoh dalam Rajah 9.2 generasi kedua dalam usaha menyebarkan ilmu dengan tulisan sebenarnya masih mempunyai tema akan

tetapi tema dalam bahagian ini seperti menulis artikel dalam surat khabar, jurnal, dan majalah tidak cukup pola yang mewakili sebahagian besar daripada tempat kajian, maka tema ini terhenti setakat di sini. Walaupun tema yang terbina yang tidak dapat dinyatakan dalam pola tersebut, namun tema ini boleh membantu pengkaji menghuraikannya dalam laporan penulisan dapatan kajian bahawa perkara yang terkandung penyebaran ilmu melalui tulisan tersebut ada tiga, iaitu melalui penulisan popular, penulisan artikel dalam majalah dan penulisan jurnal dengan membawakan contoh dari pelbagai sumber rujukan dan petikan dari lapangan.

Larangan dalam Pembinaan Tema

Ketika menganalisis data verbatim, pengkaji dilarang sama sekali untuk membina tema berdasarkan teori yang telah diketahui. Setelah siap barulah data dibaca dan dimasukkan ke dalam tema yang dibina. Melakukan aktiviti seperti ini akan menjadikan pengkaji hilang kreativiti dalam membina tema baru dan menyebabkan banyak tema baru yang ada tanpa disedari telah dibuang kerana pengkaji sibuk cuba memenuhi tema yang telah dibina. Jika kaedah ini digunakan, berkemungkinan besar sebagai contoh tema yang dibina dalam Rajah 9.2 akan terhenti sampai kepada anak sahaja dan tidak sampai kepada cucu. Lebih teruk lagi berkemungkinan pengkaji hanya sampai kepada tahap generasi bapa sahaja ini kerana pada tahap pembacaan dan pengetahuan beliau hanya pada tahap itu sahaja.

Apa yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah dengan membaca secara terperinci setiap ayat dari data verbatim dan cuba membayangkan isi apa yang hendak disampaikan dalam ayat tersebut. Kemudian setiap isi yang dibayangkan daripada ayat tersebut dibinakan tema sebanyak mungkin yang boleh. Setelah selesai diteruskan pula dengan ayat yang berikutnya sehingga semua data verbatim selesai.

PEMILIHAN KAEDAH ANALISIS

Penganalisan data kualitatif boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk mengikut kesesuaian pengkajian dan objektif kajian (Gray D.E. 2004: 340; Dawson C., 2002: 110). Antara bentuk penganalisan ialah berdasarkan tema tempat penyelidikan, dan berdasarkan atribut. Manakala berdasarkan atribut pula boleh dilihat dari segi perbezaan jantina, jenis sekolah, umur, pendidikan, dan lain-lain bentuk atribut.

Analisis Berdasarkan Tema

Analisis paling biasa dan paling popular digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan kualitatif ialah berdasarkan tema dapatan kajian (Dawson C., 2002: 115). Penggunaan metode analisis perbandingan berterusan satu tema terhadap keseluruhan tempat kajian dilakukan dengan membincangkan dahulu tema mempunyai penyilangan yang paling tinggi sehingga yang paling rendah. Analisis berdasarkan tema merupakan cara analisis yang paling mudah dan lebih ringkas dan tidak berlaku pengulangan perbincangan tema yang boleh menjemukan penilai kajian dan pembaca. Contoh jadual matriks seperti Jadual 9.2 menggambarkan analisis berdasarkan tema. Berdasarkan Jadual 9.2 pengkaji boleh menfokuskan perbincangan kepada tema dengan melihat bagaimana kedudukan tema berbanding sekolah 1 dengan sekolah 2 dengan susunan perbincangan disusun daripada yang paling tinggi penyilangan datanya sehingga yang paling rendah penyilangan datanya.

Jadual 9.2 Jadual matriks berdasarkan tema

Kemahiran Komunikasi	S1				S2			
	GCPIS1	KF1	OS1	ADS1	GCPIS2	KF2	OS2	ADS2
Pengucapan Awam	-	X	X	X	X	-	X	X
Body Language	-	X	-	-	X	X	X	-
Jenaka	-	X	X	-	-	-	X	-
Perhubungan Awam	-	X	-	-	X	-	X	-
Intonasi Suara	-	X	-	-	-	-	X	-
Mendengar	-	-	-	-	-	X	-	-

Berdasarkan Tempat Penyelidikan

Analisis juga boleh dilakukan dengan berdasarkan tempat penyelidikan. Oleh itu, pengkaji akan memaparkan dapatan kajian mengikut sekolah sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 9.3 dan seterusnya dalam Jadual 9.4. Berdasarkan kedua-dua Jadual 9.3 dan 9.4, pengkaji membincangkan tema di S1 sehingga selesai. Setelah selesai, pengkaji mula membincangkan perbezaan kedudukan tema yang sama untuk S2 pula dan seterusnya untuk sekolah-sekolah yang lain jika ada.

Jadual 9.3 Kemahiran komunikasi di S1 mengikut jenis data

Kemahiran Komunikasi	GCPIS1	KF1	ADS1	OS1
Pengucapan Awam	-	X	X	X
Body Language	-	X	-	-
Jenaka	-	X	-	X
Perhubungan Awam	-	X	-	-
Intonasi Suara	-	X	-	-
Mendengar	-	-	-	-

Jadual 9.4 Kemahiran komunikasi di S2 mengikut jenis data

Kemahiran Komunikasi	GCPIS2	KF2	ADS2	OS2
Pengucapan Awam	X	-	X	X
Body Language	X	X	-	X
Perhubungan Awam	X	-	-	X
Intonasi Suara	-	-	-	X
Mendengar	-	X	-	-
Jenaka	-	-	-	X

Ketika perbincangan dalam berdasarkan tempat kajian ini, ada kemungkinan berlaku penyusunan semula tema kerana tema disusun berdasarkan keadaan yang paling tinggi penyilangan data sehingga yang paling rendah. Sebagai contoh, Jadual 9.3 kedudukan Jenaka antara S1 dengan S2 berubah berdasarkan jenaka di S1 terdapat dua silangan data, sedangkan di S2 hanya ada satu sumber data, dan itupun data yang terhasil tidak boleh berdiri sendiri. Oleh itu, tema ini diletakkan ditempat terakhir.

Berdasarkan Attribut

Analisis juga boleh dibahas dan dibincangkan berdasarkan attribut, iaitu pengkaji membincangkan tema kajian berdasarkan jenis jantina, jenis sekolah, jenis umur, jenis pendidikan dan mana-aman yang sesuai berdasarkan objektif kajian.

Jantina

Salah satu attribut yang penting dalam penganalisan data kualitatif adalah berdasarkan jenis jantina. Jika pengkaji ingin melihat sumbangan tema berdasarkan jantina maka cara analisis ini boleh digunakan. Oleh itu, contoh hasil jadual matriks seperti Jadual 9.5

Jadual 9.5 Kedudukan kemahiran komunikasi berdasarkan perbezaan antara responden lelaki dan perempuan

Kemahiran Komunikasi	Lelaki	Perempuan
Pengucapan Awam	X	X
Body Language	X	X
Jenaka	X	X
Perhubungan Awam	X	X
Intonasi Suara	X	X
Mendengar	-	X

Sebagai contoh dalam analisis mengikut attribut jantina terhasil dari segi perbezaan antara komunikasi dalam kalangan lelaki GCPI lelaki dengan GCPI perempuan. Didapati bahawa kemahiran mendengar wujud kepada GCPI perempuan berbanding GCPI lelaki. Perbincangan perbezaan seperti ini sangat signifikan dalam sesuatu pencarian perbezaan dalam penyelidikan.

Jenis Sekolah

Analisis penyelidikan kualitatif juga boleh dilihat berdasarkan jenis sekolah dan biasanya dalam bentuk antara sekolah bandar dan luar bandar, sekolah agama dan sekolah kebangsaan, atau sekolah harian biasa dengan sekolah berasrama penuh. Pendekatan analisis seperti ini mestilah dalam bentuk kajian yang melibatkan jenis sekolah yang berbeza. Contoh pendekatan analisis ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.6, Jadual 9.7, dan Jadual 9.8.

Jadual 9.6 Perbezaan penggunaan ICT dalam kalangan GCPI antara sekolah bandar dan luar bandar

Bil.	Jenis Kemahiran	Bandar				Luar Bandar			
		S1	S4	S5	S6	S2	S3	S7	S8
1.	Kemahiran ICT								
2.	Komputer dan program	X	X	X	X	X	X	X	X
3.	Internet	X	X	X	X	X	X	X	X
4.	CD atau DVD	X	X	X	X	-	-	X	X
5.	Video	-	X	-	-	X	-	-	-

Jadual 9.7 Perbezaan penggunaan ICT antara sekolah agama dan sekolah kebangsaan

Bil.	Jenis Kemahiran	Sek. Agama		Sek. Kebangsaan					
		S4	S5	S1	S6	S2	S3	S7	S8
1.	Kemahiran ICT								
2.	Komputer dan program	X	X	X	X	X	X	X	X
3.	Internet	X	X	X	X	X	X	X	X
4.	CD atau DVD	X	X	X	X	-	-	X	X
5.	Video	X	-	-	-	X	-	-	-

Jadual 9.8 Perbezaan penggunaan ICT antara sekolah jenis berasrama dan tidak berasrama

Bil.	Jenis Kemahiran	Berasrama				Tidak Berasrama			
		S1	S3	S4	S5	S6	S2	S7	S8
1.	Kemahiran ICT								
2.	Komputer dan program	X	X	X	X	X	X	X	X
3.	Internet	X	X	X	X	X	X	X	X
4.	CD atau DVD	X	-	X	X	X	-	X	X
5.	Video	-	-	X	-	-	X	-	-

Contoh-contoh yang diberikan dari Jadual 9.6 hingga Jadual 9.8 dalam bentuk perbezaan jenis sekolah ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua jenis sekolah sekalipun penyelidikan terhasil dalam bentuk dapatan kajian kualitatif.

Umur

Pendekatan analisis juga boleh dilihat dari segi perbezaan umur responden. Namun kajian ini mestilah dalam bentuk kajian yang berlainan kelompok. Sebagai contoh antara kelompok Novis dengan kelompok pakar. Atau antara kelompok yang berlain umur atau kelompok pelajar dalam pelbagai tingkatan umur.

Pendidikan

Pendidikan analisis berdasarkan pendekatan latar belakang pendidikan juga boleh dilakukan dalam penganalisan data kualitatif. Sebagai contoh yang terbaik melihat kepada perbezaan tahap kemahiran ICT antara guru lepasan KIK dan guru lepasan SMAR seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.9

Jadual 9.9 Perbezaan kemahiran ICT antara GCPI lepasan KIK dan SMAR

Bil.	Jenis Kemahiran	KIK				SMAR			
		S2	S3	S4	S7	S1	S5	S6	S8
6.	Kemahiran ICT								
7.	Komputer dan program	X	X	X	X	X	X	X	X
8.	Internet	X	X	X	X	X	X	X	X
9.	CD atau DVD	-	-	X	X	X	X	X	X
10.	Video	X	-	X	-	-	-	-	-

Contoh yang ditunjukkan dalam Jadual 9.9 menunjukkan perbezaan yang signifikan antara dua jenis guru yang berlatarbelakangkan lepasan KIK dan lepasan SMAR di Malaysia.

KETEPUAN DATA

Tahap jumlah tempat kajian atau jenis data dalam kajian kualitatif adalah amat bergantung kepada jenis kajian. Seseengah kajian tidak memerlukan pusingan yang banyak atau penyilangan yang banyak antara jenis data atau penyilangan antara tempat kajian.

Sebagai contoh sekiranya seorang pengkaji sudah membuat penyilangan antara data yang banyak dalam satu tempat kajian, maka pada masa itu, dia tidak perlu lagi kepada pusingan kajian yang di tempat yang sama beberapa kali kerana tepuan data sudah diperolehi melalui silangan data tersebut.

Begitu juga seseorang yang mengkaji tokoh sudah tentu penyilangan data tidak memerlukan kepada kepada observasi tetapi hanya melalui temubual dan analisis dokumen. Dalam kes kajian tokoh ini juga, sekiranya setiap data temubual itu telah mempunyai silangan bukti dengan dokumen, maka berkemungkinan besar pengkaji ini hanya perlu mengulangi temubual sebanyak dua pusingan sahaja untuk mencapai ketepuan data. Keperluan dalam kajian tokoh ini juga tidak mewajibkan wujud penyilangan antara tempat kajian kerana fokus kajian kepada satu tokoh. Sekiranya tajuk kajian membuat perbandingan antara dua tokoh, maka penyilangan data diperlukan antara tokoh pertama dengan tokoh kedua. Proses penggalian data pada tokoh pertama akan dilakukan pada tokoh kedua.

Seterusnya, sesebuah kajian kualitatif juga memerlukan kepada ketepuan antara sesuatu tempat kajian dengan satu tempat kajian dan jumlah yang diperlukan juga bergantung kepada ketepuan dapatan kajian. Sebagai contoh, kajian yang melibatkan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah khas pekak berkemungkinan besar akan mencapai ketepuan pada sekolah yang kedua dan sekolah ketiga ditambah untuk mengesahkan ketepuan tersebut. Pada ketika ini pengkaji tersebut tidak perlu lagi untuk menambahkan kajian dalam sekolah yang lain. Sedangkan bagi kajian yang melibatkan kemahiran GCPI, sekolah yang diperlukan untuk mencapai ketepuan adalah sekolah yang ketujuh dan sekolah kelapan merupakan pengesahan kepada ketepuan tersebut. Pada ketika ini seseorang pengkaji tidak perlu lagi untuk menggali data atau menambah tempat kajian dalam aspek kajian yang dijalankan. Fokus tindakan seterusnya hanyalah menumpukan kepada penganalisan dapatan kajian untuk mendapatkan pola dapatan kajian.

Ketepuan data bermaksud pembinaan tema yang dilakukan tidak mungkin membentuk akan terbentuk lagi kerana telah mencapai tahap yang tidak mungkin ada lagi tema baru akan terbentuk. Pada kebiasaannya, ketepuan ini terhasil pada tempat kajian yang ketujuh dengan tempat kajian yang kelapan sebagai pengesahan bahawa ketepuan sudah dicapai.

POLA DAPATAN KAJIAN

Setelah ketepuan data diperolehi, fokus pengkaji pula ialah menyusun jadual matriks bagi mendapatkan pola dapatan kajian. Pola kajian bermaksud bentuk, diagram atau model yg diikuti apabila membuat sesuatu. Dalam bahasa yang mudah, polak bermaksud corak atau *patern* yang tertentu telah diperolehi oleh pengkaji dalam sesuatu kajian. Pola antara data dalam kajian tokoh akan menunjukkan jenis atau gaya apa yang diamalkan dalam hidup tokoh tersebut yang terseluh daripada data yang dikumpulkan. Pola yang terbentuk antara tempat kajian menunjukkan keselarasan yang sama antara satu tempat kajian dengan tempat kajian yang lain yang melebihi daripada 50 peratus daripada jumlah antara tempat kajian.


Jadual 9.10 Penampilan GCPI di S1-S8

Bil.	Ciri	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8
1.	Kemas dan sempurna	X	X	X	X	X	X	X	X
2.	Sederhana	-	X	X	X	X	X	X	X
3.	Menutup aurat	-	X	X	X	-	X	X	X
4.	Bergaya dan anggun	X	X	X	-	-	X	X	X
5.	Sesuai	-	X	X	X	X	X	X	-
6.	Gaya diri	X	X	-	-	X	X	-	X
7.	Muslimah	-	-	-	X	-	-	X	X
8.	Cantik	-	-	-	-	-	X	-	X

Sebagai contoh Jadual 9.10 menunjukkan bahawa pola dapatan GCPI dari segi penampilan yang melebihi 50% adalah pada tema kemas dan sempurna, menutup aurat, bergaya dan anggun, sederhana, sesuai, serta gaya diri. Manakala dua tema lagi hanya membentuk sebahagian kecil dan tidak menjadi pola, iaitu tema penampilan cantik dan penampilan seorang muslimah.

PENYEDIAAN MODEL POLA AWAL UNTUK RUMUSAN LAPORAN

Persediaan terakhir yang perlu dilaksanakan oleh pengkaji dalam penganalisan data ialah menyediakan model pola awal sebagai persediaan untuk membuat rumusan bagi setiap objektif data. Model awal ini dibina hanya daripada pola dapatan kajian, manakala tema yang tidak menjadi pola tidak dimasukkan. Sebagai contoh untuk model awal bagi penampilan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.10 ialah seperti Rajah 9.3



Rajah 9.3 Contoh pembinaan model awal untuk rumusan di Nvivo dan dipindahkan pada bahagian akhir bagi perbincangan dapatan kajian bagi sesuatu objektif kajian

Tujuan pembinaan model awal seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 9.3 adalah sebagai persediaan awal pengkaji untuk membina model dapatan kajian. Hal ini demikian kerana pengkaji akan membina model dapatan kajiannya sendiri menurut pola yang terhasil dengan menghubungkan

pola ini dan hubungannya dengan tema-tema lain bagi menghasilkan model utama daripada dapatan kajian sebelum membentuk model tambahan hasil daripada gabungan pola dapatan kajian antara satu sama lain berdasarkan penafsiran yang mendalam kajian pengkaji.

RUMUSAN

Artikel ini telah membincangkan pembinaan tema daripada data kualitatif dengan tumpuan kupasan kepada kejujuran dalam penganalisisan data, prinsip kata kunci, prinsip keterangan kata kunci, pelbagai tema untuk satu data, membuat hubungan antara data, tahap berakhir percambahan tema, serta larangan dalam pembinaan tema. selain penganalisisan tema pemilihan kaedah analisis juga menjadi fokus perbincangan dengan tumpuan kepada penyediaan pendekatan laporan dalam bentuk analisis berdasarkan tema, berdasarkan tempat penyelidikan, dan berdasarkan attribut, iaitu berdasarkan jantina, jenis sekolah, umur, serta pendidikan pendidikan. pada bahagian akhir artikel ini perbincangan juga ditumpukan kepada ketepatan data, pemilihan pola tema, dan persediaan model sebagai rumusan dalam setiap bahagian yang setara dengan objektif kajian.

RUJUKAN

- Bazeley, Pat. 2007. *Qualitative Data Analysis with NVivo*. London: SAGE Publications.
- Beverly Ann Chin. 2004. *How to Write a Great Research Paper*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.
- Blaxter L., Hughes C., & Tight M. 2006. *How to Research*. Third Edition. Maidenhead Berkshire, England: Open University Press.
- Bryman, A. *Understanding Social Research*. Buckingham: Open University Press.
- Cargill, M. & O'Connor, P. 2009. *Writing Scientific Research Articles*. First Edition. Australia: Wiley- Blackwell A John Wiley & Sons, Ltd., Publication.
- Dawson C. 2002. *Practical Research Methods: A User-Friendly Guide to Mastering Research*. United Kingdom: How To Books.
- Dennis Howitt, D. & Cramer, D. 2011. *Introduction to Research Methods in Psychology*. Third Edition. England: Pearson Education Limited.
- Ellison, C. 2010. *McGraw-Hill's Concise Guide to Writing Research Papers*. New York: The McGraw-Hill Companies.
- Gray D.E. 2004. *Doing Research in the Real World*. London: SAGE Publications.
- Kalof, U., Don, A. & Dietz, T. 2008. *Essentials of Social Research*. First published. England: Open University Press and McGraw-Hill Education.
- Richards, L. 1999. *Using NVivo in Qualitative Research*. London: SAGE Publications.